

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : MINGGUAN AHAD  
MUKA SURAT : 10

## Tangani ekonomi rapuh, segerakan penstrukturran semula

# Tangani ekonomi rapuh, segerakan penstrukturran semula

**P**ANDEMik Covid-19 yang melanda Malaysia pada tahun 2020-21 bukan sahaja mengugat aspek kesihatan dan nyawa, malah turut menyerlahkan ‘keleburuan’ struktur ekonomi negara.

Benar kita mencatat pertumbuhan yang baik pada 2022 tetapi struktur ekonomi negara masih kekal rapuh seperti sebelumnya. Kenyataan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dalam sidang Parlimen Selasa lalu, Malaysia mesti menyegerakan penstrukturran semula ekonomi adalah satu keutamaan yang penting.

Ekonomi negara menguncup 5.6 peratus pada 2022, kemudiannya naik lagi 5.1 peratus, dan terkini diperkirakan tumbuh 8.7 peratus tahun 2022. Pada masa yang sama, pertumbuhan +8.7 peratus, walaupun diutamkan tertinggi dalam tempoh 22 tahun lepas perlu ditafsir dengan berhati-hati.

Hakikatnya, krisis ekonomi pada 2020 menyebabkan saiz ekonomi negara menguncup, dan ‘berundur’, bersamaan dengan nilai asas rendah, kadar pertumbuhan akan ‘kelihatan’ tinggi tetapi tidak dirasai impaknya. Pemuliharaan tanpa penstrukturran

adalah tidak hakiki, tidak mampan.

Kerapuhan ekonomi negara bukan berpunca dari pandemik Covid-19. Telah disaraskan berulang kali oleh pemimpin lalu, Kenyataan Rafizi bawahan cabaran utama kita adalah pelaksanaan, perlui komitmen berterusan sehingga membuahkan hasil adalah tepat.

Asas perekonomian ekonomi negara masih di takuk lama. Sekitar 97 peratus syarikat berdaftar adalah perusahaan kecil, sederhana dan mikro (PMKS) dan 70 peratus daripadanya adalah perusahaan mikro (bilangan pekerja 5 orang atau kurang). PMKS mengajukan 66 peratus dari 16 juta tenaga kerja negara.

Di samping itu, Malaysia juga mempunyai sektor ekonomi tidak formal (tiada pendaftaran) yang besar. Anggaran kasar, 1.26 juta orang terdiri dalam perniagaan tidak formal. Mereka bekerja tanpa perlindungan sosial khusus. Tiada canuman masa dengan KWPSP. Kita tidak mempunyai data yang lengkap mengenai sektor ini. Daya tahan negara rendah, mudah dirempuh dengan 12 peratus dari eksport negara.

Kita memerlukan komitmen membina dunia PMKS agar lebih berdaya tahan. Inisiatif Industri4WRD yang

**“**  
**Asas perekonomian ekonomi negara masih di takuk lama. Sekitar 97 peratus syarikat berdaftar adalah perusahaan kecil, sederhana dan mikro (PMKS) dan 70 peratus daripadanya adalah perusahaan mikro (bilangan pekerja 5 orang atau kurang).**”

perusahaan, tetapi amalan perniagaan yang intensif-buruh, tidak mengalikasikan teknologi canggih dan amalan perniagaan moden, serta terhad kepada saiz pasaran domestik atau lokal, tidak bersifat global menjadikannya rapuh. PMKS menyumbang hanya 12 peratus dari eksport negara.

Kita memerlukan komitmen membina dunia PMKS agar lebih berdaya tahan. Inisiatif Industri4WRD yang

menyasarkan kesediaan perusahaan untuk mengalikasikan teknologi revolusi industri ke 4 (4thIR) tidak lagi kedengaran. Inisiatif MyMudah yang memerlukan setiap kementerian dan agensi menangani birokrasi yang merumitkan juga pudar. Urusan kerajaan dengan rakyat dan perniagaan mesti diper mudahkan.

Pelbagai dokumen dasar halatuji, peta-metam, blueprint, yang dilancarkan sebelum ini, seperti Dasar 4IR Negara, Dasar Agromakanan Negara (OANZ.0), Aspirasi Pelaburan Kehangsaan (NIA), Pelan Halutju Teknologi dan Produk Nano Negara, Pelan Pembangunan Pendidikan yang memperkenalkan halatuju sektor yang umumnya mengedarkan penstrukturran ekonomi seperti, kini kita.

Penstrukturran semula ekonomi perlu diteruskan walaupun kerajaan telah berubah. Dokumen halatuju strategik boleh dikemaskini tetapi tidak perlu membazir wang, masa, dan tenaga untuk mengumumkan pelan baharu.

Sebagaimana besar dokument-dokumen ini memperincikan tindakan untuk negara, bukan untuk mana-mana pihak tertentu. Laksanakan.

Pertumbuhan ekonomi negara hanya tumpu pada 4 negeri, iaitu Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ketidaksimbangan pembangunan amat besar. Sembilan negeri dalam ‘terkebelakang’, padatapatan isi rumah penengah yang rendah dari pendapatan isi rumah penengah negara (RM6,872) merangkumi hampir 50 peratus isi rumah. Mereka tidak merasa manfaat pertumbuhan ekonomi.

Herotan ini mestilah segera ditangani. Mesti ada dasar jelas, kerangka tindakan, program dan inisiatif bersasar dan sasaran pencapaian jelas. Mesti dipantau dan dilapor dengan rapi. Mengelakkan cara pembangunan seperti cara lama tidak akan membawa perubahan.

Pelaporan ekonomi mesti dibahar, tidak boleh seperti kelaziman hanya bersifat makro, kadar pertumbuhan KDNK, pertumbuhan sektor penawaran, dan sektor

permintaan. Kerajaan perlu menekankan pelaporan pengajian yang lebih bersifat mikro, di wilayah mana dan siapa yang mendapat manfaat Pertumbuhan.

Tanggungjawab, gerak kerja dan inisiatif pertumbuhan mesti di perturunkan ke bawah, negeri wilayah dan daerah, tidak bersifat Putrajaya-centric. Kerajaan perlu memperngkatkan konsep *whole of nation*, melibatkan keseluruhan pemegang taraf modal dan pembentukan jaringan awam-swasta-Negeri-komuniti dalam melaksanakan inisiatif awam. Ini menuntut reformasi dalam tatacara perkhidmatan awam, pelaporan pelaburan, penciptaan pekerjaan, kadar pengangguran dan inflasi juga mesti bersifat mikro.

Dijaminakah pelaburan yang telah diluluskan dan mula beroperasi? Berapa banyak pekerjaan baru diilicity? Apakah kadar upahnya?

Apakah perincian pengangguran mengikut wilayah dan tahap kelulusan. Laporan harga mengikut negeri/wilayah mesti diproseskan. Tingkattan kebertangggungjawaban wilayah dan domestik. Pengurusan ekonomi negara mesti berubah dari kerangka lama.

Saranan Rafizi untuk menyegerakan penstrukturran ekonomi adalah sangat utama. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga sering menyatakan keutamaan untuk memastikan rakyat merasai manfaat pembangunan negara, dimartabatkan. Kita mesti bertindak sekarang.

Kata Pemenang Nobel Albert Einstein, “Menjanganjang keputusan yang lebih baik akan terhasil tanpa melakukan perubahan, kekal dengan cara lama seperti dahulu, adalah satu kegiliran”.

Rafizi menjangkakan Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi pada 2026. Jangan nanti ada yang berkata, negara yang maju dan berpendapatan tinggi, bukan saya. Ayuh Malaysia, kita berubah.

PROF. Tan Sri Dr. Noor Azlan Ghazali oleh Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif UKM (MINDA-UKM). Kini beliau ialah Sahaja Fulbright di Universiti Harvard, Amerika Syarikat.

## MALAYSIA KITA

## MARO

